



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA

PUAN ZAITON BINTI KASSIM

ALUMNI ITM PADA TAHUN 1974

MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEWAKTU MENGAMBIL

KURSUS KAJIAN SAINS PERPUSTAKAAN

NORAISHAH INTAU BINTI AZMI

(2019495548)

AYLA FARIHAH BINTI SUBRY

(2019689544)

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER SEPTEMBER 2020- JANUARI 2021

ISI KANDUNGAN

Abstrak.....	i-iii
Penghargaan.....	iv-v
Senarai Abreviasi.....	vi-vii
Senarai Singkatan.....	viii-xiii
Rujukan Kata.....	x-xii
1.0 Biodata Penemubual.....	1
1.1 Penemubual Pertama.....	2
1.2 Penemubual Kedua.....	3
2.0 Biodata Tokoh.....	4
2.1 Biodata Tokoh.....	5
2.2 Pengenalan Kepada Tokoh.....	6
3.0 Sejarah Lisan.....	7
3.1 Pengenalan.....	8-9
3.2 Objektif Sejarah Lisan.....	9
3.3 Kepentingan Sejarah Lisan.....	10-11
4.0 Kajian Literatur.....	12
4.1 Topik 1.....	13-17
4.2 Topik 2.....	18-21
5.0 Transkrip Temubual Bersama Tokoh.....	22
5.1 Sesi Pertama.....	23-62
5.2 Sesi Kedua.....	63-103

6.0 Log Temubual.....	104
6.1 Sesi Pertama.....	105-108
6.2 Sesi Kedua.....	109-113
7.0 Ralat.....	114
7.1 Ralat.....	115-116
8.0 Glosari.....	117
8.1 Glosari.....	118-120
9.0 Indeks.....	121
9.1 Indeks.....	121-124
10.0 Bibliografi.....	125
10.1 Bibliografi.....	126
11.0 Lampiran.....	127
11.1 Biografi Tokoh.....	128-130
11.2 Surat Perjanjian.....	131
11.3 Senarai Soalan.....	132-136
11.4 Diari Penyelidikan.....	137-139
11.5 Gambar Sijil- sijil dan Bahan lain yang berkaitan.....	140-141

ABSTRAK

Transkrip ini membincangkan tentang pengalaman seorang tokoh yang merupakan seorang alumni dari Fakulti Pengurusan Maklumat dari ITM yang telah mengambil Diploma dalam Kursus Kajian Sains Perpustakaan pada tahun 1974. Pada hari ini dapat kita saksikan perubahan demi perubahan dalam struktur pendidikan dan sejarah awal Fakulti Pengurusan Maklumat serta sejarah awal penubuhan ITM yang telah berubah dari semasa ke semasa. Hakikatnya ini menyebabkan ramai pelajar di kalangan Fakulti Pengurusan Maklumat itu sendiri yang tidak mengetahui sejarah dan asal usul perkembangan Fakulti Pengurusan Maklumat ini. Selain menyentuh sedikit sebanyak mengenai latar belakang tokoh yang telah memberikan jasa dan pelbagai sumbangan, projek sejarah lisan ini akan cuba mengungkap kebenaran sebenar disebalik sistem pembelajaran dan subjek serta kursus yang telah dipelajari sewaktu mengambil Diploma Kajian Sains Perpustakaan dahulu. Kajian ini juga turut memfokuskan secara menyeluruh tentang peristiwa indah dan kenangan sewaktu menuntut pelajaran di ITM, pengalaman kerjaya dan karier sepanjang kehidupan serta segala sumbangan dan jasa yang telah diberikan dalam Fakulti Pengurusan Maklumat. Melalui projek sejarah lisan ini juga, diharap masyarakat luar terutamanya generasi sekarang dan generasi akan datang akan lebih mengenali tokoh yang telah berjasa serta menjadikan pengalaman kehidupan tokoh sebagai pengajaran dan panduan yang lebih memberikan inspirasi.

Kata Kunci: *ITM, Fakulti Pengurusan Maklumat, Diploma Kajian Sains Perpustakaan, Tokoh, Lisan*

PENGHARGAAN

Pertama sekali Syukur Alhamdulillah ke hadrat Ilahi kerana dengan izin kurniaanya, kami dapat menyelesaikan segala tugas transkrip kami dengan jayanya. Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang telah terlibat menjayakan tugas ini sehingga selesai.

Kami juga dengan rendah diri ingin merakamkan dan mengucapkan jutaan terima kasih sebagai penghargaan kepada pensyarah kami bagi subjek Oral Documentation, kod subjek IMR604 iaitu Puan Siti Noorsiah Binti Jamaludin kerana telah memberikan tunjuk ajar dan sepenuhnya bimbingan terhadap tugas ini. Melalui tunjuk ajar dan sokongan daripada beliau kami telah dapat melaksanakan segala tugas kami dengan jayanya.

Disamping itu juga, kami ingin memberikan penghargaan kepada Puan Zaiton Binti Kassim sebagai ucapan terima kasih kerana sudi ditemu ramah oleh kami dan telah bersetuju untuk menjadi tokoh sebagai rujukan tugas kami sekaligus berkongsi tentang pengalaman dan kisah kehidupan beliau sewaktu menuntut di ITM. Tanpa kesudian dan kerjasama dari beliau semestinya kami tidak mampu melaksanakan tugas ini dengan sebaik baiknya.

Akhir kata, tidak dilupakan juga penghargaan terima kasih kepada rakan-rakan, keluarga serta kedua ibu bapa yang telah membantu kami dengan memberikan pelbagai kemudahan, nasihat serta tunjuk ajar dalam melaksanakan tugas ini

Sekian, Terima Kasih.